

22 MAY 2000

Mahathir-Ling

DR MAHATHIR AKAN MINTA DR LING TIMBANG SEMULA KEPUTUSAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan meminta Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk menimbang semula keputusannya meletakkan jawatan kabinet.

"Saya akan cuba meminta beliau menimbang semula keputusannya. Sama ada ia diterima oleh MCA atau tidak itu satu perkara lain. Sudah tentu keputusan muktamad terletak pada beliau (Dr Ling)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan konvensyen para pengedar MEC di sini.

Dr Mahathir juga berkata beliau belum menerima peletakan jawatan presiden MCA itu.

"Saya belum (membuat keputusan) menerimanya lagi tetapi saya terpaksa akan menimbangkannya..." kata Dr Mahathir.

Timbalan presiden MCA Datuk Lim Ah Lek hari ini berkata Dr Ling telah mengumumkan hasratnya untuk bersara daripada kabinet pada mesyuarat majlis presiden MCA yang diadakan di ibupejabat parti di sini.

"Presiden memberitahu mesyuarat itu bahawa beliau berpendapat beliau telah berkhidmat sebagai menteri kabinet untuk tempoh masa yang lama (14 tahun) dan kini adalah masa yang sesuai baginya untuk bersara," kata Lim dalam kenyataan yang dibacakan kepada media selepas mesyuarat itu.

Dr Mahathir berkata Dr Ling telah membayangkan kepada beliau sebelum ini mengenai hasratnya untuk meletakkan jawatan kabinet.

"Beliau pernah membayangkan untuk meletakkan jawatan daripada kabinet dan saya cuba menghalangnya (dan) saya mahu beliau meneruskan tugasnya," katanya.

Perdana Menteri berkata Dr Ling telah melaksanakan tugas dengan amat baik dalam mempromosi pelabuhan-pelabuhan di negara ini sehinggakan terdapat lebih daripada 200 peratus pertumbuhan dalam perniagaan pelabuhan sejak beliau memimpin Kementerian Pengangkutan.

"Beliau seorang menteri yang baik dan saya akan merasa sedih dengan kehilangannya, tetapi saya tidak boleh menghalang jika beliau bertekad untuk berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata peletakan jawatan Dr Ling mungkin berpunca daripada hasratnya untuk memberi peluang kepada pemimpin muda di dalam parti itu.

"Beliau merasakan dengan memberikan laluan kepada pemimpin muda, MCA akan lebih kuat," katanya.

Ditanya sama ada peletakan jawatan itu disebabkan MCA tidak diberikan ganjaran yang cukup dari segi jawatan kerajaan di sebalik sumbangan besar parti itu terhadap kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lepas, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak tahu mengenai ganjaran, tetapi saya rasa kita telah memberikan MCA layanan yang sewajarnya. Ia bukan semata-mata soal ganjaran, kita mengiktiraf peranan MCA."

"Saya tidak fikir kita boleh mula menyusun semula nisbah (jawatan kabinet) kerana sekali kita melakukannya kita akan menghadapi banyak masalah dengan yang lain," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai kedudukan Dr Ling sebagai seorang pemimpin parti tanpa jawatan dalam kerajaan.

"Saya tidak tahu secara terperinci, sama ada beliau masih presiden atau tidak. Saya akan berbincang dengannya untuk mengetahui lebih mendalam lagi," katanya.

Ditanya akan reaksi awalnya terhadap keputusan Dr Ling itu, beliau berkata: "Saya berpendapat beliau memainkan peranan amat penting dalam kerajaan. Saya menghormatinya dan saya menghargai kerjanya tetapi sudah tentu keputusan muktamad terletak padanya."

Ketika ditanya bila beliau akan berjumpa dengan Dr Ling mengenai perkara itu, beliau berkata: "Saya sepatutnya berjumpa dengan beliau hari ini tetapi tidak dapat."

Ditanya sama ada akan berlaku rombakan besar kabinet berikutan perkembangan terbaru ini, Perdana Menteri berkata: "Besar atau kecil saya tidak tahu...apa saiz rombakan ini? Saya langsung tidak terfikir mengenainya."

Ditanya sama ada terdapat sebab lain membuatkan Dr Ling bertindak demikian, Dr Mahathir berkata: "beliau merasakan ianya penting, beliau telah lama di situ, menurutnya dan beliau harus meletakkan jawatan yang pada pendapatnya demi kepentingan parti, parti beliau dan juga BN."

Mengenai sama ada langkah Dr Ling itu akan menggugat kestabilan BN, beliau berkata: "Tidak mudah untuk menggugat kestabilan BN."

-- BERNAMA

RV RON